

**Sektor ekonomi terhad, perdagangan OIC rendah  
Utusan Online  
11 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 10 Mei - Masalah kekurangan kepelbagaian sektor ekonomi menjadi sebab perdagangan dalam kalangan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) masih rendah dan sukar dipertingkatkan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, keadaan itu menyebabkan ahli-ahli OIC lebih banyak menjalinkan hubungan perdagangan dengan negara-negara bukan ahli, berbanding dengan negara ahli.

Beliau berkata, skop sektor yang sempit dan tidak meluas juga menyebabkan sebarang perjanjian perdagangan sukar dijalinkan.

"Banyak keperluan khususnya melibatkan penggunaan teknologi tinggi masih terpaksa bergantung kepada negara bukan Islam," katanya ketika menjawab pertanyaan peserta pada sesi pembentangan Peluang Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia di sini hari ini.

Pembentangan itu diadakan sempena Forum Pelaburan IDBG-Malaysia. Turut memberikan pembentangan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala.

Sebelum ini, OIC telah meletakkan sasaran bahawa perdagangan global antara ahlinya dijangka mampu mencecah sehingga 20 peratus menjelang 2015.

Bagaimanapun, bagi 2011, perdagangan Malaysia bersama negara-negara OIC yang lain hanya berkisar sekitar 11.5 peratus dan terlalu tertumpu kepada sektor tertentu seperti pembangunan sistem kewangan, minyak dan gas.

"Diharapkan forum seperti ini memudahkan negara-negara Islam mengenali potensi masing-masing untuk mewujudkan perdagangan secara meluas," kata beliau.

Beliau juga menjelaskan bahawa Malaysia kini berusaha mempelbagaikan sektor ekonomi daripada terlalu bergantung kepada produk komoditi semata-mata, selain mula menawarkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang sebelum ini hanya dikeluarkan oleh negara bukan OIC.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_03.htm)